BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No.Ruj: 12/09/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Rabu, 30 Disember 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan November 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Indeks Harga Pengguna (IHP) stabil pada bulan November.

- Terbitan tawaran awam awal yang besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi telah menyebabkan pembiayaan kasar lebih tinggi dan deposit perusahaan perniagaan bertambah.

- Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal juga bertambah disebabkan oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta serta terbitan tawaran awam awal yang lebih tinggi.

- Secara keseluruhannya, permohonan, pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman juga bertambah baik.

- Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing terus stabil pada 14.6% dan 13%.

No.Ruj: 12/09/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 30 Disember 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

November 2009

Pada bulan November, terbitan awam awal (initial public offerings, IPO) oleh sebuah syarikat telekomunikasi telah menyebabkan pembiayaan kasar lebih tinggi dan deposit perusahaan perniagaan bertambah. Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal juga berkembang disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.0% pada akhir bulan November. Permohonan, pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman juga bertambah baik.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, sementara kadar deposit tetap purata bagi semua tempoh pemegangan tidak berubah. Kadar pinjaman asas (average base lending rate, BLR) purata juga tidak berubah pada 5.51% pada 15 Disember, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus stabil pada 4.85% pada akhir bulan November.

Ringgit menyusut nilai sedikit, iaitu sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada tempoh 1 November hingga 29 Disember 2009. Ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (2.7%) dan euro (2.6%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-0.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit turut menyusut nilai antara 0.1% hingga 2.9%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Indeks Harga Pengguna (IHP) stabil, iaitu mencatat kejatuhan kecil pada kadar tahunan 0.1% pada bulan November (Oktober: -1.6%). Seperti pada bulan sebelumnya, pemulihan inflasi sebahagian besarnya didorong oleh luputnya pelarasan harga runcit bahan api pada tahun lepas. Di samping itu, inflasi yang lebih tinggi dicatat dalam kategori *pelbagai barang dan perkhidmatan* pada 4.8% (Oktober: 3.2%), disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi *barang kemas, cincin dan batu berharga.*

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 10%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM17.2 bilion disebabkan oleh pemberian kredit kepada sektor swasta, perbelanjaan Kerajaan dan aliran masuk asing bersih yang lebih tinggi.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.6% dan 13%. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih bertambah baik kepada 1.9%, manakala agregat nisbah peruntukan hutang ragu dan lapuk melebihi 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar faedah stabil pada bulan November

Pada tempoh 1 November – 29 Disember, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan November hingga Disember. Pada 15 Disember, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 2.00% hingga 2.50%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.51% pada 15 Disember. Sementara itu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun kepada 4.85% pada akhir bulan November (4.91% pada bulan Oktober dan September)



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia
(Akhir tempoh, RM bilion)



BNM terus menyerap mudah tunai berlebihan

Kadar Pinjaman:
Bank Perdagangan
(pada akhir tempoh)



ALR bank perbankan lebih rendah pada bulan November

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit menurun pada bulan Disember memandangkan deposit meningkat pada kadar lebih cepat berbanding dengan pinjaman dan jumlah pembiayaan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Okt 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
Nov 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
15 Dis 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50

Kadar deposit tetap purata tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan Bank Perdagangan



Kadar deposit tetap benar lebih sederhana, sejajar dengan inflasi yang bertambah baik

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Prestasi ringgit bercampur-campur

Pada 1 November hingga 29 Disember 2009, ringgit menyusut nilai sedikit, iaitu sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) disebabkan oleh penghindaran risiko yang meningkat ekoran masalah kredit di Timur Tengah dan kebimbangan hutang bagi beberapa negara di zon Euro. Ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (2.7%) dan euro (2.6%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-0.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit turut menyusut nilai antara 0.1% hingga 2.9%. Peso Filipina menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau lain berikutan pengiriman wang yang lebih tinggi dari luar negara menjelang hujung tahun.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan euro dan paun sterling tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Okt 09	Nov 09	29 Dis 09	Akhir Dis 08 - 29 Dis 09	Akhir Ogos 09 - 29 Dis 09
Dolar AS	3.4640	3.4075	3.3875	3.4370	0.8	-0.9
Euro	4.8759	5.0617	5.1026	4.9345	-1.2	2.6
Paun sterling	4.9989	5.6490	5.6165	5.4994	-9.1	2.7
100 yen Jepun	3.8327	3.7328	3.9087	3.7463	2.3	-0.4
Dolar Singapura	2.4070	2.4398	2.4497	2.4421	-1.4	-0.1
100 baht Thailand	9.9398	10.198	10.202	10.301	-3.5	-1.0
100 peso Filipina	7.2774	7.1760	7.2151	7.3882	-1.5	-2.9
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0357	0.0358	0.0364	-13.1	-1.9
100 won Korea	0.2750	0.2882	0.2920	0.2936	-6.3	-1.8
Renminbi China	0.5076	0.4991	0.4961	0.5031	0.9	-0.8

Indeks Harga Pengguna Stabil pada Bulan November

Indeks Harga Pengguna (IHP) stabil, iaitu mencatat kejatuhan kecil pada kadar tahunan 0.1% pada bulan November (Oktober: -1.6%). Seperti pada bulan sebelumnya, pemulihan inflasi sebahagian besarnya didorong oleh luputnya pelarasan harga runcit bahan api pada tahun lepas. Harga dalam kategori *pengangkutan* jatuh pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -6.8% pada bulan November (Oktober: -13.2%), yang telah mengurangkan dengan ketara sumbangan negatif kepada inflasi pada bulan tersebut. Selain itu, inflasi yang lebih tinggi dicatat dalam kategori *pelbagai barang dan perkhidmatan* pada 4.8% (Oktober: 3.2%), disebabkan oleh harga yang lebih tinggi untuk *barang kemas, cincin dan batu berharga.* Inflasi juga meningkat sedikit dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* kepada 0.9% pada bulan November (Oktober: 0.8%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Indeks Harga Pengguna stabil





Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Harga pengeluar jatuh pada kadar lebih perlahan

Harga pengeluar, seperti yang dicatat dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR), jatuh pada kadar tahunan yang lebih perlahan iaitu 4.3% pada bulan Oktober (September: -9.6%). Ini didorong terutamanya oleh pemulihan harga dalam komponen IHPR berasaskan komoditi, yang jatuh pada kadar lebih perlahan sebanyak -9.7% pada bulan Oktober (September: -24.4%). Dalam komponen IHPR bukan berasaskan komoditi, harga juga jatuh pada kadar lebih perlahan sebanyak -2.0% (September: -2.4%). Pada asas bulanan, harga pengeluar meningkat sebanyak 1.4% (September: -0.2%).

Dari segi komposisi, harga bagi komponen IHPR tempatan dan diimport terus jatuh pada kadar yang lebih perlahan. Berbanding dengan paras harga pada tahun lepas, harga komponen IHPR tempatan jatuh 5.8% (September: -13.1%), manakala harga komponen diimport jatuh 1.2% (September: -2.0%).



Harga pengeluar terus merosot pada kadar yang lebih perlahan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

M3 meningkat pada kadar yang lebih cepat pada bulan November

Pada bulan November, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 10.0%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM17.2 bilion disebabkan oleh faktor dalam dan luar negeri. Peningkatan M3 pada bulan itu disebabkan terutamanya oleh aliran masuk asing bersih. M3 juga meningkat disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi dan pembelian sekuriti sektor swasta oleh bank-bank. Di samping itu, kategori *pengaruh lain* mencatat peningkatan pada bulan November, mencerminkan kematangan sekuriti hutang terbitan Bank Negara Malaysia. Memandangkan sejumlah besar sekuriti yang telah matang ini dipegang oleh sektor swasta, pulangan mudah tunai kepada sektor ini juga menyebabkan peningkatan dalam M3.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 09	**Sep 09**	**Okt 09**	**Nov 09**
M3	11.9	2.6	7.8	17.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-0.3	1.1	5.6	1.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	4.4	5.0	4.3	2.5
Pinjaman	*5.7*	*5.6*	*5.3*	*0.4*
Sekuriti	*-1.3*	*-0.6*	*-1.0*	*2.1*
Aset luar bersih *	11.2	-5.1	0.6	3.6
Pengaruh lain	-3.4	1.7	-2.7	10.0

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pertambahan ketara deposit sistem perbankan pada bulan November

Pada bulan November, jumlah deposit dalam sistem perbankan bertambah sebanyak RM25.4 bilion berbanding dengan bulan sebelumnya (Oktober: -RM0.6 bilion). Pada asas tahunan, jumlah deposit meningkat lagi sebanyak 10.6% (Oktober: 9%). Pada bulan itu, deposit perusahaan perniagaan meningkat dengan ketara, sebahagiannya mencerminkan hasil terbitan tawaran awam awal (initial public offerings, IPO) yang besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi. Deposit institusi kewangan bukan bank pula berkurang kerana kebanyakan IPO telah dilanggan oleh pelabur institusi. Mengikut jenis, peningkatan deposit dicatat terutamanya dalam bentuk deposit *permintaan*, *Sistem Perbankan Islam* dan deposit *lain*.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 09	**Sep 09**	**Okt 09**	**Nov 09**
Kerajaan Persekutuan	599	-1,196	-2,373	2,131
Kerajaan Negeri	1,257	-404	-695	-440
Badan Berkanun [1]	1,009	-2,197	453	741
Institusi Kewangan	3,511	13,266	-7,385	-2,792
Di Antaranya:				
Institusi Perbankan	*-789*	*8,447*	*-5,495*	*6,807*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*4,191*	*3,430*	*-1,115*	*-10,318*
Perusahaan Perniagaan	4,190	-1,257	9,099	25,452
Individu	-1,595	80	448	354
Lain-lain [2]	1,081	1,417	-177	-25
Jumlah	10,052	9,709	-630	25,419

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 09	**Sep 09**	**Okt 09**	**Nov 09**
Deposit tetap	-162	681	-1,336	1,376
NID	-935	7,029	-8,008	2,835
Deposit permintaan	1,350	2,650	-987	6,804
Deposit tabungan	-578	546	-335	479
Perjanjian beli balik (Repo)	-136	555	-348	368
Deposit mata wang asing	7,117	-469	-462	2,460
Deposit SPI [1]	-785	-213	4,690	5,846
Lain-lain [2]	4,183	-1,070	6,155	5,250
Jumlah	10,052	9,709	-630	25,419

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Peningkatan ketara dalam pembiayaan kasar pada bulan November

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan ketara kepada RM84.8 bilion pada bulan November (Oktober: RM62 bilion). Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dan lebih banyak dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.0% pada akhir bulan November (Oktober: 7.5%).



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar meningkat dengan ketara pada bulan November



Kelulusan dan pengeluaran pinjaman terus meningkat…

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Okt-09	Nov-09	J-N 09	Okt-09	Nov-09	J-N 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	48.9	47.8	476.7	39.1	36.8	7.5
Kelulusan pinjaman	25.0	28.8	260.2	26.3	37.8	-4.0
Pengeluaran pinjaman	57.9	63.8	590.7	10.1	21.7	0.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.4	4.9	47.5	7.5	7.0	7.0
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	22.0	22.9	221.4	18.8	33.5	-3.2
Kelulusan pinjaman	10.2	13.9	114.6	12.0	45.3	-16.5
Pengeluaran pinjaman	37.3	43.6	394.1	-2.7	17.3	-5.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.1	-1.8	2.2	1.0	0.6	0.6
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	10.7	10.3	95.8	51.1	50.4	1.4
Kelulusan pinjaman	4.5	3.8	40.9	20.4	5.4	-18.1
Pengeluaran pinjaman	12.6	11.6	129.3	-6.7	-8.5	-13.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/ 3/]	-0.9	-0.6	-6.9	-5.2	-6.0	-6.0
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	26.9	24.9	255.3	61.8	39.9	19.0
Kelulusan pinjaman	14.8	14.9	145.5	38.6	31.5	8.9
Pengeluaran pinjaman	20.6	20.2	196.6	44.6	32.6	16.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.3	3.3	34.0	9.7	9.5	9.5

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan meningkat sedikit sebanyak 0.9% pada asas tahunan pada akhir November 2009.

…terutamanya kepada sektor perniagaan



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk pinjaman utama bagi sektor perniagaan terus bertambah baik pada bulan November. Pada bulan itu, permohonan dan kelulusan pinjaman adalah lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman perniagaan juga meningkat dengan sebahagian besar dana disalurkan kepada sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*; dan sektor *komuniti, sosial dan perkhidmatan peribadi*. Walau bagaimanapun, pembayaran balik pinjaman yang besar oleh sektor *elektrik, gas dan bekalan air*; serta sektor *telekomunikasi* telah menyumbang kepada pengurangan pinjaman perniagaan terkumpul. Pada akhir bulan November, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar tahunan 0.6% (akhir bulan Oktober: 1%).

Permintaan terhadap pembiayaan dalam sektor isi rumah terus kukuh manakala kelulusan dan pengeluaran pinjaman secara relatif kekal tinggi. Pinjaman sektor isi rumah terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.5% pada akhir bulan November (akhir bulan Oktober: 9.7%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus kukuh

Pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal meningkat dengan ketara kepada RM18.8 bilion pada bulan November berbanding dengan penebusan bersih sebanyak RM13.2 juta pada bulan Oktober. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), pemerolehan dana berjumlah RM9.5 bilion. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM7.3 bilion. Sementara itu, dalam sektor awam, pemerolehan dana bersih berjumlah RM6.5 bilion. Dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3.5 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun.



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

KLCI meningkat pada bulan November

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,259.11 mata pada bulan November (akhir Oktober: 1,243.23) didorong oleh sentimen pasaran yang positif kerana para pelabur beranggapan pemulihan ekonomi dalam negeri semakin nyata. Indeks disokong selanjutnya oleh minat pelabur yang meningkat berikutan jangkaan penyenaraian semula sebuah syarikat telekomunikasi yang besar pada 19 November. Permodalan pasaran meningkat kepada RM986.3 bilion (sejak akhir Oktober: +5.0%) dan urus niaga purata harian meningkat kepada 1,141 juta unit (Oktober: 955 juta unit).



KLCI meningkat pada bulan November

Pada 29 Disember, FBM KLCI lebih tinggi pada 1,275.2 mata dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM999.2 bilion.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM334.9 bilion (bersamaan dengan USD96.1 bilion) pada 30 November 2009. Pada 15 Disember 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM335.1 bilion (bersamaan dengan USD96.2 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.8 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih
(pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Permodalan sistem perbankan kukuh dalam keadaan kualiti aset bertambah baik

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.6% dan 13%. Modal asas meningkat sebanyak 0.7% berikutan terbitan saham keutamaan kekal tak kumulatif (non-cumulative perpetual shares) oleh sebuah institusi perbankan. Pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) kasar mencatat penurunan dua angka sebanyak 11.2%, disebabkan oleh pengurusan kedudukan kewangan yang lebih baik oleh institusi-institusi perbankan. Nisbah NPL bersih bertambah baik kepada 1.9% manakala agregat nisbah peruntukan hutang ragu dan lapuk terus melebihi 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Sep 09	Okt 09	Nov 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	13.1	13.0	13.0
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.6	14.6	14.6
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.1	2.1	1.9
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	15,948	15,606	14,538
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II

Penunjuk Kekukuhan Modal



b

Permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL lebih baik

Bank Negara Malaysia
30 Disember 2009

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Sept 09		Okt 09		Nov 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		55.8	-24.2	52.6	-24.3	55.2	-20.1
M1		191.2	6.4	190.8	10.5	200.2	13.6
M2		950.1	7.5	955.7	9.7	972.7	10.4
M3		975.4	6.9	983.2	9.2	1,000.4	10.0
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		1,018.3	8.1	1,017.6	9.0	1,043.1	10.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		763.7	7.2	769.1	7.5	774.0	7.0
Nisbah pinjaman-deposit (%) [1]		78.9		79.0		78.0	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [1 & 2]		85.8		85.7		84.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		41.3	5.1	48.9	39.1	47.8	36.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		23.4	2.4	25.0	26.3	28.8	37.8
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		54.2	-1.6	57.9	10.1	63.8	21.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.5	-2.2	52.3	4.7	53.6	23.7
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.6		14.6		14.6	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.1		2.1		1.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		334.3		334.6		334.9	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		95.9		96.0		96.1	
Bilangan bulan import tertangguh		9.9		10.0		10.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.03 [2.03]		2.02 [2.03]		2.02 [2.02]	
	1 bulan	2.07 [2.07]		2.07 [2.07]		2.06 [2.06]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.00		2.00		2.00	
	3 bulan	2.03		2.03		2.03	
BLR bank perdagangan		5.51		5.51		5.51	
ALR bank perdagangan		4.91		4.91		4.85	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		112.4	-2.0	112.5	-1.6	112.8	-0.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		131.5	-9.6	133.4	-4.3	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4745		3.4075		3.3875	
Euro		5.0799		5.0617		5.1026	
Paun Sterling		5.5679		5.6490		5.6165	
100 Yen Jepun		3.8698		3.7328		3.9087	
Dolar Singapura		2.4573		2.4398		2.4497	
100 Baht Thailand		10.3608		10.1975		10.202	
100 Peso Filipina		7.3325		7.1760		7.2151	
100 Rupiah Indonesia		0.0359		0.0357		0.0358	
100 Won Korea		0.2946		0.2882		0.2920	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-2.4		-2.9		6.5	
	swasta	5.4		2.9		18.8	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,202.1		1,243.2		1,259.1	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		910.5		936.5		986.3	

[1] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[2] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.